


Lelaki seludup minyak dicekup KPDNHEP

Yatimin Abdullah

08 September 2019 5:38 PM



Kereta yang digunakan untuk menyeludup minyak berjaya disita oleh KPDNHEP Kelantan dalam operasi di Jeli.

KOTA BHARU 8 Sept. - Seorang lelaki ditahan anggota penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selepas didakwa cuba menyeludup 187.06 liter petrol Ron 95 bernilai RM389.10 ke Thailand menggunakan tangki kenderaan yang telah diubah suai dekat Jeli semalam.

Pengarah KPDNHEP negeri Adnan Abd. Rahman berkata, dalam operasi tersebut pihaknya turut menyita kereta bernilai RM6,000 yang digunakan untuk kegiatan haram itu.

Beliau berkata, kejayan itu adalah hasil maklumat risikan dan intipan yang dijalankan oleh anggotanya selain kerjasama orang awam di kawasan berkenaan.

"Bertindak daripada maklumat itu kita telah melakukan serbuan mengejut dan mendapati pemilik kereta tersebut membuat belian dengan harga yang tidak munasabah kedalam kenderaan persendirian.

"Ekoran itu, kita telah tahan lelaki berkenaan untuk membantu siasatan berhubung kes tersebut," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Adnan memberitahu, kes di siasat bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"KPDNHEP Kelantan akan sentiasa memantau dari masa ke semasa berhubung perkara ini dan pihak yang terlibat diminta supaya mematuhi peruntukkan undang-undang," ujarnya. - UTUSAN ONLINE